



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkeelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut:

JAWATAN / GRED	PENGKHUSUSAN / PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN
i. Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)	Pusat Temu Duga & Penempatan : Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur
ii. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 (Kontrak)	Pusat Temu Duga & Penempatan: Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Johor

SYARAT LANTIKAN :

I) PEGAWAI TADBIR GRED N41		
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
TARAF JAWATAN	: KONTRAK (<i>CONTRACT OF SERVICE</i>)	
PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN	: IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR	
JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)	: GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
	2,080.00	9,546.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

II) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : KONTRAK
PUSAT TEMU DUGA DAN PENEMPATAN : PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) JOHOR

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM) :	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
	1,352.00	4,003.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) **sebelum 11.59 malam, Khamis, 10 Ogos 2023** di pautan (*link*) :

<https://eform.ptptn.gov.my/JawatanKosong/Utama-multiple.cfm>

MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON

- (a) **E-MEL DAN NOMBOR TELEFON YANG MASIH AKTIF**
Sila pastikan e-mel dan nombor telefon adalah aktif.
- (b) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**
Pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (c) **PENEMPATAN DI PEJABAT NEGERI PTPTN (PPN)**
Pegawai boleh diarah berkhidmat di pejabat cawangan PTPTN seluruh negara.
- (d) **CATATAN AM**
Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temu duga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.